



MC-903

x'bond-CONSTRUCTION ADHESIVE SEALANT

x'traseal®

HELAIAN DATA KESELAMATAN

REV: 09

Tarikh: 11 Julai 2025

1. Pengenalan Bahan Kimia Berbahaya & Pembekal

Maklumat Produk

Nama produk: MC-903 x'bond Construction Adhesive Sealant
Bentuk fizikal: Pes
Bau: Bau pelarut organik
Nombor CAS: Campuran
Kemudahbakaran: Mudah terbakar
Penggunaan bahan: Sebagai pengedap pelekat panel pembinaan komponen tunggal.

Maklumat Syarikat

Pengilang: Mohm Chemical Sdn Bhd
Alamat: No. 32, Jalan Temenggong, Off Jalan Tampoi, 81100 Johor Bahru, Johor, Malaysia.
Tel: + 60-7-3331222
Faks: + 60-7-3320545 / + 60-7-3337919

2. Pengenalan Bahaya

Piktogram Bahaya



Kata Isyarat: Bahaya

Klasifikasi

Kakisan atau Kerengsaan kulit	Kategori 2
Kerosakan mata atau kerengsaan mata yang serius	Kategori 2
Cecair mudah terbakar	Kategori 3
Ketoksikan organ sasaran khusus – Pendedahan berulang	Kategori 2
Ketoksikan organ sasaran khusus – Pendedahan tunggal	Kategori 3
Berbahaya kepada persekitaran akuatik – Bahaya kronik	Kategori 2

Pernyataan Bahaya:

H226 Cecair dan wap yang sangat mudah terbakar.
H315 Menyebabkan kerengsaan kulit.
H319 Menyebabkan kerengsaan mata yang serius.
H336 Boleh menyebabkan rasa mengantuk atau pening (kesan narkotik).
H373 Boleh menyebabkan kerosakan organ melalui pendedahan berpanjangan atau berulang.



MOHM CHEMICAL SDN. BHD. (REGNO 276851-U)
No. 32, Jalan Temenggong, Off Jalan Tampoi, 81100 Johor Bahru, Johor,
Malaysia. Tel : +607 333 1222 Fax : +607 332 0545 / 333 7919
Website: www.xtraseal.com Email: info@mochem.com



MC-903

x'bond-CONSTRUCTION ADHESIVE
SEALANT

x'traseal®

HELAIAN DATA KESELAMATAN

REV: 09

Tarikh: 11 Julai 2025

H411 Memudaratkan hidupan akuatik dengan kesan jangka masa panjang.

Pernyataan langkah berjaga-jaga - Pencegahan

- P210 Jauhkan daripada haba/percikan api/nyalaan terbuka/permukaan panas – Dilarang merokok.
- P233 Pastikan bekas ditutup dengan ketat.
- P242 Hanya gunakan alat yang tidak menghasilkan percikan api.
- P243 Ambil langkah berjaga-jaga terhadap nyahcas statik.
- P260 Jangan sedut habuk/ wasap/ gas/ kabus/ wap/ semburan.
- P264 Basuh tangan dengan sebersih-bersihnya selepas pengendalian.
- P271 Hanya menggunakan kawasan terbuka atau di dalam kawasan yang berventilasi baik.
- P273 Elakkan pembebasan ke persekitaran.
- P280 Pakai sarung tangan pelindung/pelindung mata/pelindung muka.

Pernyataan Berjaga-jaga – Tindak Balas

- P302 + P352 - JIKA TERKENA KULIT: Basuh dengan sabun dan air yang banyak.
- P332 + P313 - Jika berlaku kerengsaan kulit: Dapatkan nasihat/rawatan perubatan.
- P305 + P351 + P338 - JIKA TERKENA MATA: Bilas berterusan dengan menggunakan air selama beberapa minit. Tanggalkan kanta lekap, jika ada dan jika mudah dilakukan - teruskan membilas.
- P337 + P313 - Jika kerengsaan mata berterusan: Dapatkan nasihat/rawatan perubatan.
- P303 + P361 + P353 -JIKA TERKENA KULIT (atau rambut): Tanggalkan/buka serta-merta semua pakaian yang tercemar. Bilas kulit dengan air/pancuran air.
- P304 + P340 - JIKA TERSEDUT: Pindahkan mangsa ke kawasan berudara segar dan pastikan mangsa dalam keadaan rehat iaitu dalam kedudukan yang selesa untuk bernafas.
- P370 + P378 - Sekiranya berlaku kebakaran: Gunakan serbuk kimia kering untuk pemadaman.
- P312 - Hubungi PUSAT RACUN atau doktor/pakar perubatan jika anda rasa tidak sihat.
- P391 - Kumpul tumpahan.

Pernyataan Berjaga-jaga – Penyimpanan

- P233 - Pastikan bekas tertutup rapat.
- P403 + P235 - Simpan di tempat yang mempunyai pengudaraan yang baik. Pastikan sentiasa sejuk.

Pernyataan langkah berjaga-jaga – Pelupusan

- P501 - Lupuskan kandungan/bekas mengikut peraturan yang dibuat di bawah kawalan Akta Pencemaran & Perlindungan Alam Sekitar.

3. Komposisi / Komponen Bahan Kimia Berbahaya

<u>Nama Kimia</u>	<u>Nombor CAS</u>	<u>WT%</u>
Synthetic Rubber	-	10 – 30 %
Hexane	64742-49-0	10 – 30 %
Resin	-	10 – 30 %
Mineral fillers	-	30 – 60 %
Additives	-	1 – 10 %



MC-903

x'bond-CONSTRUCTION ADHESIVE
SEALANT

x'traseal®

HELAIAN DATA KESELAMATAN

REV: 09

Tarikh: 11 Julai 2025

4. Langkah-langkah Pertolongan Cemas

Pengetahuan umum:

Tanggalkan semua pakaian tercemar dengan segera. Berunding dengan pakar perubatan. Tunjukkan helaian data keselamatan ini kepada doktor yang bertugas. Dapatkan nasihat perubatan segera.

Jika tertelan:

Lap dengan tuala kertas dan bersihkan segera dengan air dan sabun.

Jika terkena kulit:

Bilas dengan air serta-merta, dapatkan nasihat perubatan jika perlu.

Jika terkena mata:

Alihkan ke kawasan yang berudara segar, kekal hangat dan rehat.

Jika terhidu (pernafasan):

Gejala dan kesan yang paling penting, kedua-dua akut dan tertunda:

Sentuhan yang berpanjangan atau berulang dengan kulit boleh menyebabkan penyahlemakan dan dermatitis. Sentuhan dengan mata boleh menyebabkan kemerahan, penglihatan kabur dan merangsang pengeluaran air mata. Kesan akibat tertelan mungkin termasuk ketidakselesaan gastrousus, kemurungan sistem saraf pusat, kerengsaan paru-paru, sakit dada, edema pulmonari, pening, masa tindak balas perlahan, percakapan tidak jelas, sakit kepala, pening, mengantuk, dan kehilangan kesedaran.

5. Langkah-langkah Pemadaman Kebakaran

Media pemadaman yang sesuai:

Gunakan semburan air, buih kalis alkohol, serbuk kimia kering atau karbon dioksida.

Bahaya Khas yang Timbul daripada Bahan atau Campuran:

Karbon oksida, hidrokarbon ringan yang mudah terbakar, asap dan wap

Peralatan Perlindungan Khas untuk Anggota Bomba:

Pakai alat pernafasan yang bersesuaian dengan tahap tekanan kebakaran jika perlu.

Maklumat tambahan:

Gunakan semburan air untuk menyejukkan bekas yang belum dibuka.

6. Langkah-langkah Pengawasan Pembebasan Tidak Sengaja

Langkah berjaga-jaga diri:

Gunakan peralatan pelindung diri. Elakkan daripada menyedut wap, kabus atau gas. Pastikan pengudaraan mencukupi. Alihkan semua sumber pencucuhan. Pindahkan semua kakitangan ke kawasan selamat. Berhati-hati terhadap pengumpulan wap yang boleh membentuk kepekatan letupan. Wap boleh berkumpul di kawasan rendah.

Langkah berjaga-jaga alam sekitar:

Cegah kebocoran atau tumpahan jika selamat untuk dilakukan. Jangan biarkan produk masuk ke dalam saliran. Pelepasan ke alam sekitar perlu dielakkan.

Kaedah untuk membersihkan:

Ambil secara mekanikal. Pastikan bekas sesuai dan ketat untuk dilupuskan.

7. Pengendalian dan Penyimpanan

Pengendalian

Nasihat Mengenai Pengendalian Selamat:

Elakkan daripada terkena mata dan kulit. Elakkan penyedutan wap dan semburan. Letupan bekas mungkin akan berlaku dalam keadaan kebakaran. Jauhkan daripada sumber pencucuhan – Dilarang merokok. Ambil langkah untuk mencegah pengumpulan cas elektrostatik.

Langkah-langkah perlindungan:

Pakai cermin mata keselamatan dan sarung tangan.

Langkah berjaga-jaga terhadap kebakaran dan letupan:

Peraturan am pencegahan kebakaran hendaklah dipatuhi.



MOHM CHEMICAL SDN. BHD. (REG NO 276851-U)
No. 32, Jalan Temenggong, Off Jalan Tampoi, 81100 Johor Bahru, Johor,
Malaysia. Tel : +607 333 1222 Fax : +607 332 0545 / 333 7919
Website: www.xtraseal.com Email: info@mochem.com



MC-903

x'bond-CONSTRUCTION ADHESIVE
SEALANT

x'traseal®

HELAIAN DATA KESELAMATAN

REV: 09

Tarikh: 11 Julai 2025

Penyimpanan

Langkah teknikal dan keadaan penyimpanan:
Keperluan untuk bilik dan bekas penyimpanan:

Simpan di tempat yang dialihudarkan dengan baik. Pastikan bekas ditutup dengan ketat.
Simpan di tempat yang dialihudarkan dengan baik. Simpan di tempat sejuk.

8. Kawalan Pendedahan/Perlindungan Diri

Bahan dengan nilai terhad untuk dikawal:
Ekzos setempat:
Pengudaraan am:
Perlindungan tangan:
Perlindungan mata:

Hexane (n-hexane):TWA:50ppm (176mg/m³)
Dicadangkan.
Dicadangkan.
Sarung tangan pelindung yang sesuai.
Cermin mata keselamatan/pelindung muka.

9. Sifat Fizikal dan Kimia

Bentuk: Pes
Graviti Spesifik: 1.15 ± 0.05
Warna: Kuning cair (*Beige*)
Kelikatan @ gelendung 7, 20 rpm, 25°C: 200,000 cps
Bau: Bau pelarut
Kerupaan, % wt (25°C): 24 ± 5 %
Keterlarutan dalam air: Tidak larut
Takat didih: 62-68°C (Hexane)
Takat kilat: 23°C
Suhu swanyala: Tidak dinyatakan

Nota: Maklumat di atas tidak digunakan bagi tujuan penyediaan spesifikasi.

10. Kestabilan dan Kereaktifan

Kestabilan kimia: Stabil
Ketidakerasian (Bahan perlu dielakkan): Agen pengoksidaan yang kuat, asid.
Keadaan yang perlu dielakkan: Sumber pencucuhan.
Tindak balas berbahaya: Pembakaran
Produk penguraian berbahaya: Karbon oksida, hidrokarbon ringan yang mudah terbakar, asap dan wasap.

11. Maklumat Toksikologi

Ketoksikan akut: Berbahaya
Ketoksikan kepada organ sasaran khusus – mungkin menyebabkan mengantuk atau pening.
pendedahan tunggal
Ketoksikan kepada organ sasaran khusus –
pendedahan berulang Tertelan – mungkin menyebabkan kerosakan organ akibat pendedahan berpanjangan atau berulang – sistem saraf.
Boleh membawa maut jika tertelan dan memasuki saluran pernafasan.



MOHM CHEMICAL SDN. BHD. (REGNO 276851-U)
No. 32, Jalan Temenggong, Off Jalan Tampoi, 81100 Johor Bahru, Johor,
Malaysia. Tel : +607 333 1222 Fax : +607 332 0545 / 333 7919
Website: www.xtraseal.com Email: info@mochem.com



MC-903

x'bond-CONSTRUCTION ADHESIVE
SEALANT

x'traseal®

HELAIAN DATA KESELAMATAN

REV: 09

Tarikh: 11 Julai 2025

Bahaya Aspirasi

Potensi Kesan kesihatan,
Penyedutan:

Tertelan:

Kulit:

Mata:

Tanda dan gejala pendedahan:

Berbahaya jika disedut. Menyebabkan kerengsaan saluran pernafasan. Wap boleh menyebabkan mengantuk dan pening.

Berbahaya jika tertelan. Bahaya aspirasi jika tertelan – boleh memasuki paru-paru dan menyebabkan kerosakan.

Berbahaya jika diserap melalui kulit. Menyebabkan kerengsaan kulit.

Menyebabkan kerengsaan mata.

Sentuhan berpanjangan atau berulang dengan kulit boleh menyebabkan penahlemakan dan dermatitis. Sentuhan dengan mata boleh menyebabkan kemerahan, penglihatan kabur, dan merangsang pengeluaran air mata.

Kesan akibat tertelan mungkin termasuk ketidakselesaan gastrousus, kemurungan sistem pusat saraf, kerengsaan paru-paru, sakit dada, edema pulmonari, pening, masa tindak balas perlahan, percakapan tidak jelas, sakit kepala, pening, mengantuk, dan tidak sedarkan diri.

12. Maklumat Ekologi

Maklumat lengkap belum disediakan.

13. Maklumat Pertimbangan Pelupusan

Lupuskan bahan buangan dan pembungkusan tercemar mengikut undang-undang, peraturan dan pengawalan.

Lupuskan sisa ke pusat pengumpulan sisa yang dibenarkan.

Jangan buang sisa (sisa cecair, sisa pepejal dan air saliran basuhan dll.) yang melibatkan produk ini secara terus ke dalam sungai atau ditanam di dalam tanah.

14. Maklumat Pengangkutan

14.1 Pengangkutan Darat (ADR/RID):

Nama penghantaran: Pelekat / pengedap yang mengandungi cecair mudah terbakar.
Kelas bahaya: 3
Nombor UN: 1133
Kumpulan pembungkusan: III
Bahaya alam sekitar: Ya

14.2 Pengangkutan laut (IMDG):

Nama penghantaran: Pelekat / pengedap yang mengandungi cecair mudah terbakar.
Kelas bahaya: 3
Nombor UN: 1133
Kumpulan pembungkusan: III
Bahaya alam sekitar: Ya

14.3 Pengangkutan udara (IATA):

Nama Penghantaran: Pelekat / pengedap yang mengandungi cecair mudah terbakar.
Kelas bahaya: 3
Nombor UN: 1133
Kumpulan pembungkusan: III
Bahaya alam sekitar: Tidak



MOHM CHEMICAL SDN. BHD. (REGNO 276851-U)

No. 32, Jalan Temenggong, Off Jalan Tampoi, 81100 Johor Bahru, Johor,

Malaysia. Tel : +607 333 1222 Fax : +607 332 0545 / 333 7919

Website: www.xtraseal.com Email: info@mochem.com



MC-903

x'bond-CONSTRUCTION ADHESIVE
SEALANT

x'traseal®

HELAIAN DATA KESELAMATAN

REV: 09

Tarikh: 11 Julai 2025

15. Maklumat Pengawalseliaan

Menurut European Directive 67/548/EEC yang telah dipinda.

Simbol Bahaya



Frasa R

R11 Sangat mudah terbakar.

R38 Menyebabkan iritasi pada kulit.

R48/20 Berbahaya: risiko kerosakan serius kepada kesihatan akibat pendedahan berpanjangan melalui penyedutan

R62 Kemungkinan risiko terhadap kesuburan.

R65 Berbahaya: boleh menyebabkan kerosakan paru-paru jika tertelan.

R67 Wap boleh menyebabkan mengantuk dan pening.

R51/53 Beracun kepada organisma akuatik, boleh menyebabkan kesan buruk jangka panjang.

Frasa S

S9 Simpan bekas di tempat yang mempunyai pengudaraan baik.

S16 Jauhkan daripada sumber pencucuhan – Dilarang merokok.

S29 Jangan buang ke dalam saliran.

S33 Ambil langkah berjaga-jaga terhadap pelepasan statik.

S36/37 Pakai pakaian dan sarung tangan pelindung yang sesuai.

S61 Elakkan pelepasan ke alam sekitar. Rujuk arahan khas/lembaran data keselamatan.

S62 Jika tertelan, jangan paksa muntah: dapatkan nasihat perubatan dengan segera dan tunjukkan bekas atau label ini.

Bahaya lain – Tiada

Penilaian Keselamatan Kimia: Tidak berkenaan (N/A)

16. Maklumat Lain

Data ini disediakan dengan tujuan yang baik sebagai panduan dengan nilai-nilai tipikal dan bukan sebagai spesifikasi produk. Tiada jaminan, sama ada dinyatakan atau tersirat yang telah dibuat. Kebersihan industri yang telah disyorkan dan prosedur pengendalian yang selamat dipercayai boleh digunakan secara umum. Walau bagaimanapun, setiap pengguna harus mengkaji semula kandungan cadangan penggunaan ini dengan lebih terperinci dan menentukan kesesuaian cadangan ini.

*** Tamat Helaian Data Keselamatan ***



MOHM CHEMICAL SDN. BHD. (REGNO 276851-U)

No. 32, Jalan Temenggong, Off Jalan Tampoi, 81100 Johor Bahru, Johor,

Malaysia. Tel : +607 333 1222 Fax : +607 332 0545 / 333 7919

Website: www.xtraseal.com Email: info@mochem.com